

09/11/2003

Tioman pulau ke-10 tercantik di dunia

Zainudin Isa

SEPANJANG Ramadan, banyak tempat pelancongan kurang dikunjungi pelancong Islam. Namun, pengunjung tidak menghadapi masalah mendapatkan tempat penginapan, juadah berbuka selain masjid dan surau untuk mengerjakan solat sunat tarawih sepanjang bulan mulia ini.

Di Pulau Tioman, misalnya setiap kali musim tengkujuh pada November hingga Februari, pulau itu dengan 22 gugusan Pulau Taman Lautnya turut sunyi atau `berehat' daripada menerima limpahan pelawat dan pelancong asing.

Bagi pengusaha chalet, resort, restoran, pengusaha bot pelancongan atau lebih dikenali di sini sebagai `teksi air', poket mereka boleh dikatakan agak kempis dalam masa kira-kira empat bulan ini.

Mengapa ini berlaku? Ia disebabkan kedudukan Pulau Tioman seperti gugusan pulau lain di Pantai Timur, terdedah kepada tiupan angin serta musim hujan yang tidak menentu.

Justeru, pelawat atau pelancong yang menggunakan feri atau bot laju sama ada dari jeti feri Tanjung Gemok, di Rompin atau jeti Mersing, mereka berfikir dua kali untuk meredah lautan luas ke Tioman kerana bimbang dilambung ombak besar.

Mengapa tidak menaiki pesawat saja? Ia juga agak terhad kerana pada masa ini hanya Berjaya Air yang menggunakan pesawat kecil, mengendalikan penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Tioman, sebelum ke Singapura, dan sebaliknya.

Pesawat lebih besar atau jenis Boeing pula tidak boleh digunakan kerana landasan di Lapangan Terbang Kampung Tekek, agak pendek serta diapit dengan bukit.

Namun, Tioman yang terkenal dengan legenda `pulau naga beradu' sebenarnya tidak pernah menutup pintunya.

Tersohor sebagai antara 10 pulau tercantik di dunia, terutama dasar laut yang mengagumkan ibarat syurga air, Tioman sentiasa menggamit pengunjung untuk menerokai 1,001 keindahan semula jadinya.

Cuma batasan pengangkutan inilah menjadikan Tioman `bertapa' kira-kira empat atau lima bulan pada setiap tahun.

Jika 1 November tahun lalu, Tioman diangkat menjadi pulau bebas cukai ketiga selepas Langkawi dan Labuan, tarikh 29 Oktober lalu (Rabu) pula menyaksikan pulau peranginan ini menerima satu lagi `hadiah istimewa' daripada Kerajaan Persekutuan.

Malah, tarikh ini dianggap bersejarah kerana hadiah istimewa itu datangnya daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad - tiga hari sebelum tarikh persaraannya, Jumaat minggu lalu.

Ia adalah pembinaan lapangan terbang baru yang lebih moden dan mempunyai kemudahan bagi mengendalikan pesawat lebih besar jenis Boeing 737 yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun lagi.

Lebih unik lagi, Dr Mahathir melakukan upacara pecah tanah pembinaan lapangan terbang itu secara maya dari Putrajaya - satu kecanggihan teknologi yang belum pernah berlaku atau disaksikan oleh kebanyakan penduduk di Tioman.

Memetik kata-kata Dr Mahathir: "Keindahan pulau ini tidak memberi makna jika tidak ditampilkan kepada dunia luar. Justeru, kerajaan mahu jumlah kedatangan pelancong ditingkatkan lagi dengan adanya kemudahan pengangkutan lebih baik, khususnya melalui udara."

Lapangan terbang baru yang menelan belanja sehingga RM140 juta antara

Kampung Paya dan Kampung Genting dikatakan memiliki konsep mesra alam, iaitu ala resort percutian.

Ini dianggap unik kerana landasannya dibina di atas laut menjajari pantai, manakala terminalnya di tepi pantai.

Berdasarkan sejarah lampau, Tioman bersambung dengan Borneo yang sememangnya kaya dengan flora dan fauna, pulau peranginan ini turut memiliki persamaan dengan Borneo.

Oleh itu, jika musim tengkujuh aktiviti pengunjung agak terbatas untuk menerokai alam marinnnya, Tioman sebaliknya menyajikan pantai yang memutih serta belantara yang dianggap `anak dara' lagi.

Selain melakukan `jungle-trekking', hutan dan bukit-bukau Tioman juga menyimpan komuniti haiwan yang unik, merangkumi 33 spesies mamalia, 67 spesies burung dengan 15 daripadanya jenis burung penghijrah, 21 spesies cicak, 27 spesies ular dan 17 spesies amfibia.

Namun, jika cuaca cerah, mengapa tidak percutian anda diisi dengan aktiviti laut, seperti selam skuba, snorkeling, berkayak atau menyusuri pulau-pulau kecilnya.

Tentunya, antara lokasi melakukan kegiatan selaman skuba yang paling diminati ialah di Pulau Tulai, Tokong, Sembilang, Rengis dan Seri Buat dan Chebeh.

Selain melihat himpunan batu karang dan hidupan marinnnya yang esotik, jika mahu lebih `adventure' lagi, mengapa tidak menyelam sehingga ke paras 40 meter.

Di sini, anda mungkin bernasib baik menjumpai bangkai kapal selam atau kapal perang terkenal yang karam, peninggalan Perang Dunia Kedua seperti Prince of Wales, Repulse dan Varella, di sekitar perairan Tioman.

Nah, jika anda berkira-kira untuk bercuti ke kepulauan Maldives, Tahiti, Guam, Tonga atau Vanuatu di benua Pasifik, mengapa tidak ke Tioman yang sekelas dengan pulau tropika ini.